



# Meneroka Bahasa Dan Literasi Di Luar Darjah

Disampaikan oleh Nor Assurah Mohd Omar, Pensyarah, NIEC (ITE)

Persekutaran luar menawarkan suasana yang dinamik dan merangsangkan minda. Kanak-kanak boleh mengembangkan kemahiran bahasa dan literasi mereka sambil memupuk rasa ingin tahu semasa berada di luar darjah melalui pelbagai aktiviti seperti membaca buku di bawah pokok dan mencipta cerita yang diilhamkan oleh alam semula jadi.

Anda juga boleh melengkapkan aktiviti ini dengan strategi yang dikongsi oleh Cikgu Assurah!

## Teka Teki!



### Cuba Teka!

Saya mempunyai berbagai warna  
dan pelbagai bentuk.  
Orang suka mendekati saya  
Dan menghidu saya.

*Apakah saya?*

### Cuba Teka!

Pergi berjalan di waktu petang,  
Singgah makan rojak kangkong.  
Binatang ini badannya Panjang,  
Jika diusik badannya digulung?

*Apakah saya?*

## Mencari bahan-bahan di alam sekitar (4-6 tahun)



Permainan seperti memburu pemulung (Scavenger Hunt) dengan memberikan kad-kad seperti berikut.



Kanak-kanak boleh mencari bahan-bahan tersebut dan meletakan nya bersebelahan kad tersebut.



ranting



daun



batu



## Intai Bahasa (4 - 6 tahun)





Contoh tema: Intai cuaca

Bahan-bahan yang diperlukan ialah:

- Kadbad
- Pelekat plastik
- Gunting
- Gambar (matahari/awan kelabu/awan nimbus)
- Alat-alat penulis ( pena atau markers)

Bagaimana cara untuk membuat



1. Tampalkan pelekat plastik disekeling kadbad berikut

2. Tampalkan sekeping plastik di atas kadbad untuk letakan gambar-gambar yang sesuai

3. Padankan perkataan yang sesuai untuk setiap Cuaca yang ingin diperkenalkan

Kami telah memasukkan templat pada halaman seterusnya!






# Meneroka Bahasa Dan Literasi Di Luar Darjah

Disampaikan oleh Nor Assurah Mohd Omar, Pensyarah, NIEC (ITE)

## INTAI CUACA!



Cerah



Berangin



Mendung



Berkabus



Hujan  
renyai-renyai

Hujan





# Meneroka Bahasa Dan Literasi Di Luar Darjah

Disampaikan oleh Nor Assurah Mohd Omar, Pensyarah, NIEC (ITE)

Pendidik juga boleh bertanyakan soalan kepada kanak-kanak berkaitan tema tersebut.  
Sebagai contoh:




Apa cuaca hari ini?

Baiklah kanak-kanak apa yang boleh kamu lihat di bila cuaca cerah?

## StoryWalk (5 - 6 tahun)

StoryWalk® ialah aktiviti yang memanfaatkan dunia di sekeliling kita untuk menggalakkan kanak-kanak mendengar, membaca dan memahami kandungan dan mesej buku cerita.

Guru perlu terlebih dahulu meletakkan gambar yang berkaitan dengan tema/kandungan buku di sepanjang laluan tertentu di luar rumah. Kemudian, baca buku cerita yang dipilih dan gunakan alam semula jadi untuk mengaitkan kandungan dan mesej buku cerita. Guru boleh mengubah suai aktiviti ini mengikut umur atau perkembangan bahasa kanak-kanak.



### Contoh cerita



**Burung Yang Takutkan Ketinggian**  
by Farah Bagharib-Katz & Eeshaun




**Hanya Inuka Yang Satu**  
by Alan John & Quek Hong Shin



**Bola Yang Stres**  
by Lydia Lim



**Jiji Sang Belangkas Purba "Jom kenali belangkas"**  
by Noraznawati Ismail & Farah Najihah Razali



### **Biodata Pensyarah**

Puan Assurah merupakan pensyarah dari NIEC (ITE College Centra). Beliau mempunyai pengalaman lebih dari 7 tahun dalam industri prasekolah dan berkelulusan ijazah sarjana dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak dari NIE/NTU. Pengalaman beliau berkerja bersama kanak-kanak dari peringkat awal hingga 6 tahun merupakan asas semasa beliau menjadi mentor kepada pelajar-pelajar kursus Pendidikan Awal Kanak-kanak. Beliau juga mengajar pelbagai pendekatan termasuk drama, seni visual dan pembelajaran di luar darjah untuk mempertingkatkan pengalaman pembelajaran kanak-kanak.

Nor Assurah Binte Mohammad Omar  
Lecturer at NIEC (ITE)



@niecsingapore



www.niec.edu.sg